

Penggunaan Kaedah Pengajaran Kontekstual Untuk Murid-Murid Pendidikan Khas Kurang Upaya Pendengaran

Safani Bari^{a1}, Salmah Jopria^{a2}, Mohd Anis Abdul Razak^{a3}, Rajesvari Ramasamy^{b1},
Nancy William Awet^{c1}

^{a123}SEAMEO SEN – IPGK Perempuan Melayu Melaka, ^{b1}Quest International University - Ipoh Perak,

^{c1}Sk. St PeterPadawan - Kuching Sarawak

E-mail: safani_bari@yahoo.com. No. HP: +60133306131

Abstract: The objective of this study was to evaluate the effectiveness of contextual teaching method in teaching comprehension of words and phrases'. This pretest-posttest design quasi-experimental study compared any differences in achievement between the two groups of hearing-impaired students. The students were divided into two groups whereby the experimental group was taught using the contextual method and the control group the traditional method. A total of 120 hearing-impaired students from eight schools in peninsular Malaysia were used as subjects for the study. There were 60 students in the experimental group and 60 in the control group. Data on overall proficiency were analyzed using descriptive analysis. The results revealed that the overall performance of the experimental group on all two language skills show a higher mean increase compared to the control group. Thus, the findings indicate that the contextual method used by the teachers was able to increase the students' Language skills and had contributed the general academic achievement of the students.

Keywords: Hearing Impairment, Contextual Teaching, Students with special needs, Special Education school, Special Education Integration program.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanannya kaedah pengajaran kontekstual dalam pengajaran kefahaman perkataan, frasa, bahasa Melayu kepada murid-murid bermasalah pendengaran Tingkatan Satu. Kajian pra dan pasca kuasi-eksperimen ini melihat perbandingan pencapaian di antara dua kumpulan murid bermasalah pendengaran. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan di mana kumpulan eksperimen diajar menggunakan kaedah kontekstual dan kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah tradisional. Jumlah subjek adalah 120 orang murid bermasalah pendengaran dari lapan buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Terdapat 60 orang murid dalam kumpulan eksperimen dan 60 orang murid kumpulan kawalan. Analisis data dilakukan terhadap skor bagi kedua-dua bahagian ujian iaitu ujian kefahaman perkataan dan kefahaman frasa menggunakan analisis deskriptif. Analisis dapatkan menunjukkan pencapaian keseluruhan kumpulan eksperimen bagi kedua-dua aspek kemahiran bahasa yang dinilai menunjukkan peningkatan min yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan iaitu kefahaman perkataan dan frasa. Justeru, hasil kajian ini menunjukkan bahawa Kaedah Kontekstual dapat meningkatkan penguasaan kemahiran dan kefahaman bahasa murid-murid bermasalah pendengaran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik secara keseluruhan.

Kata Kunci: Kurang upaya pendengaran, pengajaran kontekstual, Murid Berkeperluan Khas, Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi

1.1 PENDAHULUAN

Pendengaran memainkan peranan penting untuk manusia menguasai pertuturan (Mischook & Cole 1996). Apabila seseorang kanak-kanak mengalami masalah pendengaran, ia memberi kesan terhadap perkembangan diri kanak-kanak tersebut walaupun mereka mempunyai keupayaan kognitif seperti kanak-kanak biasa (Bee 1986 & Moores 1996). Mereka kelihatan seperti murid-murid biasa tetapi masalah pendengaran yang dialami menyebabkan mereka sukar untuk menguasai pertuturan (Ling 1989 & Bee 1989). Masalah pendengaran boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami kelewatan dan kegagalan dalam

menguasai pertuturan dan seterusnya mengalami kesukaran untuk menguasai bahasa. Kegagalan menguasai bahasa juga mengakibatkan kesukaran untuk berkomunikasi, belajar dan juga menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik (Clark 1989 & Ling 1990). Deria dengar memainkan peranan yang sangat penting dan inilah yang menjadi penghalang utama dihadapi oleh kanak-kanak khas bermasalah pend Murid-murid bermasalah pendengaran menggunakan beberapa kaedah komunikasi seperti bahasa isyarat, bacaan bibir, ejaan jari, gerak badan, mimik muka, pertuturan kiu dan pertuturan biasa (Clark 1989; Oyer, Hall & Haas 1995).

Kaedah komunikasi yang menggabungkan beberapa kaedah seperti bahasa isyarat, oral dan mimik muka dinamakan sebagai kaedah komunikasi seluruh (Oyer, Hall & Haas 1995). Kaedah Komunikasi Seluruh merupakan kaedah rasmi yang digunakan di sekolah-sekolah masalah pendengaran di Malaysia (Jabatan Pendidikan Khas, 2000). Walau bagaimanapun dalam kehidupan sehari-hari kaedah komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah bahasa isyarat sahaja (Ling 1990 & Kuder 1997). Walau bagaimanapun dalam kehidupan sehari-hari kaedah komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah bahasa isyarat sahaja (Ling 1990 & Kuder 1997).

1.2 ISU DAN MASALAH KOMUNIKASI

Individu yang diklasifikasikan sebagai bermasalah pendengaran ialah seseorang yang mengalami kehilangan pendengaran purata di kedua-dua telinga melebihi daripada 71 desibel (dB). Terdapat dua kategori masalah pendengaran iaitu pertama kehilangan pendengaran daripada 71 dB hingga 90 dB, kehilangan tahap ini dikategorikan sebagai kehilangan pendengaran teruk (severe loss). Kedua ialah kehilangan pendengaran yang melebihi 91 dB ke atas, kehilangan tahap ini dikategorikan sebagai kehilangan pendengaran sangat teruk (profound loss) atau dikenali sebagai kehilangan pendengaran saraf atau sensorineural. Murid-murid yang mengalami kehilangan pada kedua-dua tahap ini di kategorikan sebagai murid Pendidikan Khas Kurang upaya Pendengaran mereka juga dikenali sebagai bermasalah pendengaran, pekak, pekak bisu atau cacat pendengaran oleh orang ramai (Clark 1998 & Ling 1989). Kehilangan pendengaran biasanya disahkan oleh pihak perubatan dan mereka di tempatkan belajar di sekolah-sekolah pendidikan khas atau Program Pendidikan Khas Integrasi (Jabatan Pendidikan Khas, 2009). Orang biasa juga ada yang dilabel sebagai bermasalah pendengaran atau pekak tetapi kehilangan pendengaran yang dialami adalah kurang daripada 70dB dan masih boleh mendengar dan mengesan bunyui-bunyi pertuturan. Mereka dikenali sebagai mengalami kehilangan pendengaran biasa atau pekak konduktif dan tidak dikategorikan sebagai orang kurang upaya pendengaran atau cacat.

Kajian yang dijalankan oleh Abdullah Yusoff (2002) menunjukkan kebanyakan murid-murid bermasalah pendengaran tidak memahami soalan peperiksaan yang diberikan dalam bentuk tulisan walaupun mereka boleh berkomunikasi dengan isyarat dengan baik. Perkataan mudah yang biasa digunakan seperti ‘dan’, ‘dengan’, ‘adik’, ‘nasi’ dan ‘kawan’ tidak difahami oleh murid bermasalah

pendengaran apabila diberikan dalam bentuk tulisan. Hal-hal seperti ini menyukarkan mereka memahami dan menjawab soalan. Di samping itu murid-murid bermasalah pendengaran menulis ayat-ayat yang tidak gramatis atau mengikut laras bahasa Melayu yang betul juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kegagalan di dalam peperiksaan. Masalah utama kanak-kanak masalah pendengaran ialah mengaitkan maksud di antara isyarat, pertuturan dan tulisan. Isyarat digunakan sewaktu interaksi tetapi isyarat tidak dihubungkaitkan dengan tulisan kerana buku teks yang ada tidak mengandungi isyarat (Lynas 1994). Dalam kehidupan harian juga mereka hanya menggunakan isyarat apabila mereka berinteraksi sesama mereka. Manakala bahasa isyarat yang digunakan ialah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) yang menekankan kepada maksud komunikasi sahaja (Moores & Sweet 1990).

1.3 KADEAH KONTEKSTUAL

Menurut Hull (1993) pembelajaran kontekstual bermaksud pembelajaran yang hanya berlaku apabila murid berjaya menghubungkan perkara yang dipelajari ke dalam lingkungan kefahaman mereka. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran kaedah ini mengandaikan bahawa daya pemikiran seseorang secara semula jadi mencari hubungan kepada maksud dalam sesuatu perkara iaitu di dalam lingkungan di mana individu itu berada.

Kaedah pembelajaran kontekstual ini adalah berdasarkan teori pembelajaran Behaviorisme (Lefrancois 2000). Teori ini menyamai konsep pengajaran kontekstual yang digunakan dalam kajian ini dianggap sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid bermasalah pendengaran. Kaedah Kontekstual dan teori tingkah laku (Behaviorisme) menekankan kepada pembelajaran yang dihubungkan dan dikaitkan dengan keadaan persekitaran untuk membantu proses pembelajaran murid. Menurut Teori Pembelajaran tingkah laku, pembelajaran dilihat sebagai penguasaan maklumat dan pengetahuan yang diperolehi melalui kemahiran, perbuatan, sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran dalam sesuatu perkara biasanya berlaku dipengaruhi oleh persekitaran pada murid itu sendiri. Ahli psikologi menggambarkan pembelajaran sebagai perubahan kekal dalam tingkah laku yang terhasil dari pengalaman yang dialami (Lefrancois 2000).

Sesuatu yang dipelajari atau difikirkan dihubungkan dengan sesuatu keadaan, benda atau perkara. Karweit (1993) pula mendefinisikan pembelajaran kontekstual sebagai pembelajaran

yang dibentuk supaya murid boleh menjalankan aktiviti dan menyelesaikan masalah yang menggambarkan sesuatu tanggungjawab di dalam alam nyata. Resnick dan Hall (1988) menyatakan bahawa masalah yang dihadapi oleh murid masalah pendengaran ialah apabila simbol-simbol yang digunakan di dalam pengajaran tidak dihubungkan dengan apa yang wujud di persekitaran kehidupan harian mereka. Oleh yang demikian simbol-simbol tersebut hanya diingat atau dihafal tanpa memahami apa maksudnya dan hubungan dengan persekitaran.

Komunikasi utama kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah menggunakan isyarat walau bagaimanapun isyarat hanya digunakan dalam komunikasi sahaja menyebabkan kanak-kanak menghadapi masalah untuk menghubungkan di antara isyarat dengan bahan bertulis kerana bahan tulisan yang ada tidak mengandungi isyarat. Ejaan atau tulisan juga tidak dikaitkan dengan isyarat seperti ejaan dengan sebutan di mana suku kata boleh dikaitkan dengan sebutan (speech).

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

i. Mengenal pasti perbezaan pencapaian murid bermasalah pendengaran bagi kumpulan kawalan dan eksperimen dalam memahami ‘perkataan’ di antara ujian pra dan pasca dalam mata pelajaran Bahasa.

ii. Mengenal pasti perbezaan pencapaian murid bermasalah pendengaran bagi kumpulan kawalan dan eksperimen dalam memahami ‘frasa’ di antara ujian pra dan pasca dalam mata pelajaran Bahasa.

1.5 METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuasi eksperimen yang berfokuskan kepada keberkesanan dan sumbangannya pengajaran dan pembelajaran kontekstual kepada murid-murid tidak upaya pendengaran tingkatan satu dalam pelajaran Bahasa. Reka bentuk yang dipilih dalam kajian ini ialah kuasi eksperimen. Pengkaji memilih reka bentuk ini yang dianggap amat sesuai digunakan kerana ia dapat menggambarkan eksperimen yang dijalankan dalam keadaan sebenar bilik darjah (Cohen 1996; Wiersma 2000). Kajian ini turut melihat perbezaan pencapaian skor di antara dua kumpulan murid-murid bermasalah pendengaran khususnya dari dua aspek kefahaman Bahasa Melayu perkataan dan Frasa. Sampel kajian dibahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama merupakan kumpulan eksperimen di mana murid-murid dalam kumpulan ini akan diajar dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran kontekstual manakala kumpulan kedua merupakan kumpulan kawalan

yang akan diajar dengan kaedah pengajaran yang sedia ada.

Seramai 120 murid tingkatan satu bermasalah pendengaran dari 8 buah sekolah menengah program pendidikan khas integrasi terlibat dalam kajian ini. Persampelan secara bertujuan (purposful sampling) dilakukan dengan memilih sebuah kelas tingkatan satu terlibat dalam kajian. Bilangan murid dalam sebuah kelas dikekalkan seperti sedia ada, Seterusnya pemilihan rawak mudah dilakukan untuk mendapat empat buah sekolah sebagai kumpulan eksperimen dan empat negeri lagi sebagai kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen mengandungi 60 orang murid dan kumpulan kawalan juga seramai 60 orang murid. Setelah mengenal pasti kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, pra ujian dijalankan ke atas kesemua murid-murid, iaitu daripada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Seterusnya proses pengajaran dilakukan kepada kedua-dua kumpulan menjalani rawatan iaitu kumpulan eksperimen diajar menggunakan kaedah kontekstual manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah pengajaran tradisi sedia ada. Dalam setiap pengajaran guru akan membina bahan bantu mengajar yang menghubungkan antara elemen gambar, isyarat, perkataan dan bunyi dalam keempat-empat kemahiran yang diajar. Bahan rawatan yang dibina menggunakan kemudahan berbentuk interaktif multimedia, kad gambar, kad perkataan dan kad yang mempunyai gambar isyarat.

1.6 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1.6.1 Latar Belakang Murid

Kategori	Kawalan		Eksperimen	
Jantina	F	%	F	%
Lelaki	25	41.7	38	63.3
Perempuan	35	58.3	22	36.7
Jumlah	60	100.0	60	100

Pelajar yang terlibat dalam kajian berjumlah 60 orang pelajar, 25 (41.7%) lelaki dan 35 (58.3%) perempuan.

Jadual 1.6.2 Kategori ketidakupayaan Pendengaran

Item	Kawalan		Eskperiment	
Kehilangan	F	%	F	%
Pendengaran				
Teruk	27	45.0	37	61.7

Sangat Teruk	33	55.0	23	38.3
Jumlah	60	100.0	60	100.0

Kehilangan pendengaran kategori teruk 45% (27) dan sangat teruk 55% (33).

Jadual 1.6.3 Interpretasi Skor Purata setiap item (Skala likert 5)

Skor Purata /min setiap item	Interpretasi
1.00 hingga 1.8	Tidak tepat (TT)
1.90 hingga 2.60	Kurang tepat (KT)
2.70 hingga 3.4	Hampir tepat (HP)
3.5 hingga 4.2	Tepat (T)
4.3 hingga 5.00	Sangat tepat (ST)

Skor purata keseluruhan:	Interpretasi
1.00 hingga 1.80	Lemah (L)
1.90 hingga 2.60	Kurang
	Memuaskan(KM)
2.70 hingga 3.40	Sederhana (Sdh)
3.50 hingga 4.20	Baik (B)
4.30 hingga 5.00	Cemerlang (C)

Jadual 1.6.4 Min, sisihan piawai dan tahap kefahaman perkataan pada ujian pra kumpulan kawalan dan eksperimen

Bil.	Item	Kawalan			Eksperimen		
		Min	S.P	Thp	Min	S.P	Thp
1.	Jalan	1.32	0.47	TT	1.36	0.48	TT
2.	Bilik	1.85	0.36	TT	1.88	0.32	TT
3.	Angka	1.83	0.38	TT	1.83	0.38	TT
4.	Air	1.60	0.49	TT	1.58	0.50	TT
5.	Bola	1.62	0.49	TT	1.60	0.49	TT
6.	Jam	1.57	0.50	TT	1.56	0.50	TT
7.	Kapal Terbang	1.93	0.25	KT	1.90	0.30	KT
8.	Bulat	1.60	0.49	TT	1.63	0.49	TT
9.	Durian	1.92	0.28	KT	1.92	0.28	KT
10.	Ekor	2.00	0.41	KT	1.98	0.39	KT
	Min	1.71	0.17	L	1.72	0.18	L

Kefahaman

Perkataan

Hampir keseluruhan pencapaian ujian pra kefahaman perkataan bagi kumpulan kawalan dan eksperimen menunjukkan tahap pencapaian tidak tepat (TT). Skor kedua-dua kumpulan menunjukkan perbezaan yang tidak ketara iaitu min kumpulan kawalan 1.71 dan min kumpulan kawalan ialah 1.72.

Jadual 1.6.5 Min, sisihan piawai dan tahap kefahaman frasa pada ujian pra kumpulan kawalan dan eksperimen

Bil.	Item	Kawalan			Eksperimen		
		Min	S.P	Thp	Min	S.P	Thp
1.	Kawan Baik	1.63	0.49	TT	1.47	0.50	TT
2.	Rumah Besar	1.25	0.44	TT	1.25	0.44	TT
3.	Baju Sekolah	1.81	0.39	TT	1.24	0.43	TT
4.	Air Minuman	2.00	0.00	KT	1.08	0.28	TT
5.	Padang Bola	1.36	0.48	TT	1.20	0.41	TT
6.	Kerusi Meja	1.54	0.50	TT	1.19	0.39	TT
7.	Bilik Darjah	1.75	0.44	TT	1.55	0.50	TT
8.	Buku Tulis	1.08	0.28	TT	1.28	0.45	TT
9.	Orang Asing	1.54	0.50	TT	1.35	0.48	TT
10.	Guru Besar	1.19	0.39	TT	1.00	0.00	TT
	Min kefahaman	1.51	0.08	L	1.26	0.12	L

Frasa

Skor purata/ min bagi kumpulan kawalan ialah 1.51 (L) dan skor purata/min bagi kumpulan eksperimen ialah 1.26 (L). Kedua-dua kumpulan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Jadual 1.6.6 Min, sisihan piawai dan tahap kefahaman perkataan pada ujian pasca kumpulan kawalan dan ekprimen.

Bil.	Item	Kawalan			Eksperimen		
		Min	S.P	Thp	Min	S.P	Thp
1.	Jalan	2.92	0.33	HT	5.00	0.00	ST
2.	Bilik	3.17	0.38	HT	4.67	0.48	ST
3.	Angka	2.83	0.38	HT	4.15	0.36	Tepat
4.	Air	2.85	0.36	HT	4.65	0.48	ST
5.	Bola	2.90	0.48	HT	4.17	0.38	Tepat
6.	Jam	2.23	0.43	HT	3.53	0.54	Tepat
7.	Kapal Terbang	2.38	0.49	HT	4.17	0.38	Tepat
8.	Bulat	2.65	0.48	HT	4.57	0.50	ST
9.	Durian	2.85	0.36	HT	4.20	0.40	Tepat
10.	Ekor	3.00	0.00	HT	4.32	0.47	ST
	Min Kefahaman	2.77	0.14	Sdh	4.34	0.15	C
	perkataan						

Dapatkan ujian pasca kefahaman perkataan menunjukkan kumpulan eksperimen lebih tinggi iaitu 4.34 berbanding kumpulan kawalan iaitu 2.77.

Jadual 1.6.7 Min, sisan piawai dan tahap kefahaman perkataan pada ujian pasca kumpulan kawalan dan ekprimeen.

Bil.	Item	Kawalan			Eksperimen		
		Min	S.P	Thp	Min	S.P	Thp
1.	Kawan Baik	2.63	0.49	KT	4.62	0.49	ST
2.	Rumah Besar	2.77	0.62	HT	4.15	0.36	Tepat
3.	Baju Sekolah	2.20	0.40	KT	4.12	0.37	Tepat
4.	Air Minuman	2.53	0.50	KT	4.00	1.04	Tepat
5.	Padang Bola	2.62	0.49	KT	4.25	0.47	Tepat
6.	Kerusi Meja	2.25	0.44	KT	3.78	0.42	Tepat
7.	Bilik Darjah	2.95	0.39	HT	4.38	0.49	ST
8.	Buku Tulis	2.58	0.50	KT	4.57	0.50	ST
9.	Orang Asing	2.72	0.56	HT	4.13	0.79	Tepat
10.	Guru Besar	2.15	0.48	KT	4.42	0.87	ST
Min Kefahaman frasa		2.54	0.15	KM	4.24	0.21	B

Tahap kefahaman frasa pada ujian pasca bagi murid kumpulan kawalan adalah pada tahap kurang memuaskan (min 2.54) manakala murid kumpulan eksperimen memprolehi kenaikan skor kefahaman frasa yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan iaitu pada tahap baik (min 4.24).

1.7 PERBINCANGAN

Perkembangan pelbagai kaedah pengajaran dan teknologi masa kini telah membolehkan murid-murid bermasalah pendengaran didedahkan dengan pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (Knight & Swanwick 1999). Masalah utama murid-murid khas bermasalah pendengaran ialah elemen komunikasi ‘isyarat’ yang digunakan tidak difahami dan dihubungkan antara satu elemen komunikasi dengan elemen yang lain menyebabkan mereka menghadapi kesukaran apabila hanya salah satu sahaja elemen komunikasi digunakan, contohnya seperti dalam interaksi harian hanya isyarat sahaja digunakan, manakala dalam bacaan dan peperiksaan hanya elemen tulisan sahaja digunakan. Masalah ini menyebabkan mereka menghadapi masalah apabila ketiga-tiga elemen komunikasi isyarat, lisan, tulisan dan gambar dihubungkaikan.

Pendekatan kontekstual telah dijalankan dalam beberapa kajian lain terhadap pengajaran dan pembelajaran murid biasa menunjukkan peningkatan kefahaman murid-murid mengenai sesuatu konsep yang dihubungkan dengan situasi sebenar dalam pembelajaran. Oleh itu kaedah kontekstual yang dicadangkan untuk diperkenalkan agar dapat membantu murid-murid kurang upaya pendengaran meningkatkan kemahiran mereka dalam komunikasi dan meningkatkan pencapaian mereka dalam kedua-dua kemahiran asas khususnya dalam matapelajaran

Bahasa dan seterusnya menyumbang ke arah menguasai mata pelajaran yang lain di sekolah. Hasil pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan kaedah pengajaran kontekstual oleh kumpulan eksperimen dalam kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian kefahaman dan perbezaan nilai tambah kefahaman perkataan dalam Bahasa oleh murid-murid bermasalah pendengaran. Skor murid-murid dalam kumpulan eksperimen menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Pencapaian yang lebih tinggi oleh murid-murid bermasalah pendengaran dalam kumpulan eksperimen dalam ujian pasca menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran kontekstual yang digunakan adalah berkesan dan dapat meningkatkan keupayaan murid-murid bermasalah pendengaran memahami maksud perkataan dan frasa. Pendekatan pengajaran kontekstual merupakan salah satu alternatif yang boleh membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa kepada murid-murid kurang upaya pendengaran di negara kita.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff. 2002. Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar pekak. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka* Jun 41 (6): 36-41.
- Abdullah Yusoff. 2001. Kecacatan komunikasi berkaitan dengan pendidikan, bahasa dan kebahasaan orang pekak. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka* 40 (9): 29-36.
- Bee, H. 1989. *The developing child*. Ed. Ke-5. New York: Harper and Row.
- Bee, H. 1986. *The development of oral skills to the hearing impaired children*. Boston: Allyn & Bacon.
- Clark, M. 1999. *Language through living for hearing impaired children*. London, Great Britain: Hodder and Stoughton.
- Cohen, A.D. 1986. Mentalistic measures in reading strategy research: Some recent Findings. *The ESP Journal* 5 (2): 131-145.
- Karweit, N. 1993. Contextual learning: A review and synthesis. Draft report prepared for the national assessment of vocational education. Baltimore, MD: Center for social Organization of schools.
- Knight, P. & Swanwick, R. 1999. *The care and education of a deaf child: A book for parents*. England: Multilingual Matters.
- Kuder, S.J. 1997. *Teaching students with language and communication disabilities*. Needham Heights: Allyn & Bacon.

- Lefrancois, G.R. 2000. Educational psychology: teaching psychological aspects. Belmont, California: Wadwoth.
- Ling, D. 1989. Foundation of spoken language for hearing impaired children. Washington, D.C.: Alexander Graham Bell Association for the Deaf.
- Ling, D. & Ling, H. A. 1988. Habilitation: The foundations of verbal learning in Hearing impaired children. Washington, D.C. Alexander Graham Bell Association for the Deaf.
- Lynas, W. 1994. Communication options in the education of deaf children. San Diego, Calif: Singular Pub. Group.
- Moores, D.F. 1996. Educating the deaf: psychology, principles and practices. Boston MA: Houghton Mifflin Company.
- Mischook, M. & Cole, E. 1996. Auditory learning and teaching of hearing impaired infants. The Volta Review 88 (5): 67-82.
- Oyer, H.J., Hall, B.J.& Haas, W.H. 1995. Speech, language and hearing disorders: A guide for teachers. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Resnick, L.B. & Hall, M. 1988. Learning organizations for sustainable education reform. Daedalus 127: 89-118.
- Wiersma, W. 2000. Research method in education: An Introduction. Needham Height, MA: Allan & Bacon.